250

SOALAN NO. : 90

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH [PUTATAN]

SOALAN:

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan :

(a) apakah jenis-jenis skop kerja yang terlibat dalam pelaksanaan rancangan mitigasi banjir di daerah Putatan dan Penampang; dan

(b) adakah pihak Kementerian menyediakan sebarang dana bagi pembinaan semula rumah-rumah yang dipindahkan yang terlibat dalam projek ini termasuklah dana pampasan bagi pemindahan tanah perkuburan adat dan adakah pihak Kementerian juga menyediakan dana bagi pembinaan semula infrastruktur awam seperti jalan raya, jambatan, pili air dan bekalan letrik yang rosak akibat pelaksanaan projek ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di- Pertua,

a) Secara keseluruhan skop kerja Rancangan Tebatan Banjir Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Moyog, Sabah termasuk membina ban tanah, menaiktaraf Sungai Putatan dengan bentuk trapezoidal, menaiktaraf sungai dengan *"Bored Piled"*, pembinaan jambatan dan pembinaan pintu air banjir.

b) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) tidak menyediakan dana untuk pembinaan semula rumah-rumah yang dipindahkan dalam kawasan projek kerana pampasan tanah dan bangunan akan diberikan kepada pemilik tanah sahaja.

   Manakala dana pampasan bagi pemindahan tanah perkuburan adat dan kos pemindahan tanah serta perkuburan pembinaan semula infrastruktur awam seperti jalan raya, jambatan, pili bomba dan bekalan elektrik yang rosak akibat pelaksanaan projek ini telah diambil kira di dalam kos pembinaan projek.

Sekian, terima kasih.